



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)**
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211

Web:<http://www.pka.gov.my>
Email:onestopagency@pka.gov.my

MS ISO 9001 : 2015 REG.NO: AR3579

(JABATAN ZON BEBAS & DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh : LPK:JZB/600-2/5 Jld.9 (6)
25 Januari 2021

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan,

PENGIKRARAN ZB1 (IMPORT) KE ATAS KONTENA / BARANGAN YANG DISIMPAN MELEBIHI TEMPOH SEBULAN DI DALAM ZON PERDAGANGAN BEBAS

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sedia maklum, Akta Zon Bebas (pindaan) 2019 telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2020. Beberapa pindaan dibuat oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi memantapkan lagi Akta tersebut yang mula diperbuat pada 5 September 1990. Selain Akta, Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991 juga telah mengalami beberapa perubahan peraturan di dalamnya yang kini dikenali sebagai Peraturan-Peraturan Zon Bebas (pindaan) 2019 yang turut berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020.
3. Tindakan mengenakan denda dan penjara jika sabit kesalahan kepada pihak yang didapati tidak mematuhi keperluan Akta / Peraturan tersebut turut diwujudkan di dalam Akta / Peraturan berkenaan.
4. Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) sebagai Pihak Berkuasa bagi Pelabuhan Utara, Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Selatan, Pelabuhan Klang menjalankan tanggungjawab berdasarkan peruntukan Akta / Peraturan yang baharu digubal tersebut. Walaubagaimanapun, kuasa untuk mengenakan tindakan punitif adalah di bawah bidang kuasa JKDM.
5. Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Zon Bebas menjelaskan bahawa barang-barang yang diimport dari luar negara perlu kepada pengikrar ZB1 (import) sekiranya barang-barang tersebut telah berada melebihi tempoh satu bulan selepas didaratkan di dalam suatu zon bebas. Bagi barang-barang yang tiba di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Barat atau Pelabuhan Selatan Pelabuhan Klang, pihak yang berkenaan dikehendaki membuat pengikrar yang berkaitan dengan pihak LPK.
6. Kegagalan pengimport / pemilik barang-barang tersebut membuat pengikrar ZB1(import) selepas tempoh tersebut adalah melanggar peraturan ini dan melakukan suatu kesalahan. Sekiranya disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu

ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

7. Sehubungan itu, kerjasama pengimport / pemilik barang-barang adalah dipohon untuk memastikan membuat pengikraran dengan sewajarnya melalui ejen yang dilantik. Pemakluman ini adalah sebagai peringatan agar semua pihak yang terlibat mematuhi Akta / Peraturan berkaitan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(CAPT. K. SUBRAMANIAM)

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

Sal :

Ketua Pengarah
Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Kompleks Kementerian Kewangan
No 3, Persiaran Perdana, Presint 2,
62596, Putrajaya

Pengarah Operasi
Jabatan Kastam Diraja Zon Tengah
No. 1, Jalan Perigi Nenas 7/1,
Taman Perindustrian Pulau Indah
42907 Pelabuhan Klang

SENARAI EDARAN

Presiden

Persatuan Ejen-Ejen Penghantaran & Logistik Selangor
Wisma SFFLA,
No. 23, Jalan Cemerlang
42000 Pelabuhan Klang

Presiden

Malaysia Freight Forwarders Association
No. 3A-13A, Jalan Batu Nilam 16
Bandar Bukit Tinggi
41000 Klang

Presiden

Federation of Malaysian Freight Forwarders
No. 23, Jalan Cemerlang,
42000 Pelabuhan Klang.

Presiden

Malaysian International Chamber Of Commerce & Industry
C-8-8 Block C, Plaza Mont'Kiara, 2 Jalan Kiara,
Mont' Kiara, Kuala Lumpur,
50480 Kuala Lumpur

Presiden

SME Association Of Malaysia
NO. 5-5, Jalan USJ 9/5Q,
Subang Business Centre
47620 Subang Jaya

Presiden

Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Selangor
No. 27 & 27A, Jalan Lawan Pedang 13/27
Seksyen 13,
40000 Shah Alam

Presiden

Kuala Lumpur & Selangor Indian Chamber of Commerce & Industry
2nd floor, 116, Jalan Tuanku Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur

Presiden
Dewan Perniagaan Melayu Cina India Bersatu Malaysia
No. 24-B, Jalan Diplomatik, Presint 15
62050 Putrajaya

Presiden
The Chinese Chamber of Commerce & Industry of Kuala Lumpur & Selangor
7th Floor, Wisma Chinese Chamber
No. 258, Jalan Ampang, Kampung Datuk Keramat
50450 Kuala Lumpur